



## Pemerkasaan Wanita Muslim: Kajian Industri Media Kreatif di Malaysia

### Muslim Women Empowerment: A Study on The Malaysian Creative Media Industries

#### Article Info

**Siti Maziah Samsudin\*, Nur Kareelawati Abd Karim\*\*, Suria Hani A. Rahman\*\*\***

\*Program Komunikasi, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800, Nilai, Negeri Sembilan  
E-mel: [sitimaziah.samsudin@gmail.com](mailto:sitimaziah.samsudin@gmail.com)

Article history:  
Received: 6<sup>th</sup> September 2022  
Accepted: 13<sup>th</sup> October 2022  
Published: 30<sup>th</sup> November 2022

\*\*Program Komunikasi, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800, Nilai, Negeri Sembilan  
E-mel: [kareelawati@usim.edu.my](mailto:kareelawati@usim.edu.my)

DOI:  
<https://doi.org/10.33102/jcicom.vol2no2.54>

\*\*\*Program Komunikasi, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800, Nilai, Negeri Sembilan  
E-mel: [suriahani@usim.edu.my](mailto:suriahani@usim.edu.my)

#### ABSTRAK

Penglibatan wanita di dalam industri media kreatif di Malaysia dilihat semakin meningkat. Namun begitu, faktor seperti gender, budaya, agama, dan adat masyarakat setempat turut mempengaruhi pemerkasaan dan penglibatan wanita Muslim dalam industri media kreatif. Apatah lagi untuk berada di kedudukan yang lebih tinggi sebagai penerbit rancangan, pengurus atau sebagai pembuat keputusan dalam industri media kreatif. Selain itu, kekurangan kajian empirikal dan data statistik yang berkaitan wanita dalam industri menyebabkan isu-isu berkaitan kebijakan dan peluang karyawan wanita dipandang enteng oleh sesetengah pihak. Penggunaan konsep pemerkasaan wanita menurut perspektif Islam membantu penyelidik untuk memahami pengalaman harian pekerja wanita Melayu Muslim ketika bekerja. Justeru itu, kajian ini bertujuan menelusuri dan menyingkap penglibatan wanita dalam industri filem dan televisyen dengan mengenalpasti isu dan cabaran yang dihadapi. Seterusnya, kajian ini juga bertujuan mengenalpasti apakah strategi yang digunakan untuk menghadapi cabaran. Bagi mencapai objektif, kajian ini menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur bersama 20 wanita Melayu Islam yang bekerja dalam

produksi filem dan televisyen. Informan yang ditemu bual adalah adalah terdiri daripada wanita yang sudah berkahwin, bujang dan ibu tunggal. Hasil daripada perbincangan bersama informan temu bual dianalisis menggunakan perisian Atlas.Ti 9 melalui kaedah analisis tematik. Hasil daripada kajian mendapati walaupun penyertaan kaum wanita dalam produksi televisyen dan filem semakin meningkat, namun isu seperti stigma dan persepsi negatif, ketidakstabilan kerjaya dan kehidupan, dan eksplorasi terhadap wanita masih lagi menjadi cabaran kepada mereka. Justeru itu, kajian mengenai isu pemerkasaan terhadap wanita seharusnya diperbanyakkan oleh sarjana tempatan bagi memastikan isu cabaran yang dihadapi oleh wanita yang bekerja dalam industri media kreatif dapat diatasi. Dicadangkan untuk kajian berikutnya, pengkaji boleh mengkaji kepada aspek yang lebih meluas iaitu dengan menjalankan kajian kepada wanita tanpa mengira umur, agama dan budaya. Kajian mengenai wanita dalam industri penyiaran dan perfileman juga seharusnya sentiasa dikembangkan di Malaysia sebagaimana yang telah dijalankan di Barat.

**Kata Kunci:** *wanita, industri media kreatif, gender, filem dan televisyen*

## **ABSTRACT**

Women's involvement in the creative media industry in Malaysia is increasing. However, the intersection of gender, culture, religion, and custom has affected Muslim women's empowerment and career development in the creative media industry, especially among those women who wish to be in higher positions as producers, managers, or decision-makers in the creative media industry. Also, the lack of empirical studies and statistical data related to issues concerning women in the creative industry caused these issues to be taken for granted by some. Talents and initiatives determine the role of women in the creative media industry. Using the concept of female empowerment according to the Islamic perspective helps researchers understand the daily experiences of Muslim Malay female workers while working. Hence, this study aims to trace and uncover the involvement of women in the film and television industry by identifying the issues and challenges faced. Next, the study seeks to identify strategies used to meet the challenges. This study uses semi-structured interviews with industry players to achieve these objectives. The discussions involved 20 Malay Muslim women working in film and television production. The informants interviewed were married women, singles, and single mothers. The results of the discussion were analysed using Atlas. Ti 9 software through the thematic analysis method. The study found that although the participation of women in television and film productions is increasing, issues such as stigma and negative perceptions, precarity, and exploitation are still becoming challenges for them. Therefore, studies on the issue of women's empowerment should be increased by local scholars to ensure that the challenges faced by women working in the creative media industry can be overcome. It is proposed that the researcher explore a broader aspect of the following study, that is, by conducting a

study on women regardless of age, religion, and culture. Research on women in the broadcasting and film industries should also be constantly developed in Malaysia as has been carried out in the West.

**Keywords:** *women, creative media industry, gender, films and television*

## **PENGENALAN**

Agenda pemerksaan wanita di Malaysia bermula dengan penggubalan Dasar Wanita Negara (1989) dan Rancangan Malaysia Ke-enam (1990-1995). Penggubalan dasar ini bertujuan untuk merapatkan jurang antara gender dalam pekerjaan dan taraf hidup sosial. Sumbangan kaum wanita kepada kemajuan dan ekonomi negara diraikan dengan pembukaan peluang pekerjaan yang lebih luas kepada wanita dalam bidang sosial, ekonomi dan politik (Ismail, 2015). Walaupun majoriti lepasan graduan adalah wanita, kadar pengangguran bagi wanita lebih tinggi berbanding lelaki iaitu pada 4.7 peratus berbanding lelaki pada 4.4 peratus pada tahun 2020 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021). Walaupun ada di antara mereka berjaya menempatkan diri di dalam pasaran pekerjaan, malangnya mereka terpaksa berhenti kerja pada usia 35 hingga 44 tahun kerana tanggungjawab terhadap keluarga dan rumah tangga (*Department of Statistics Malaysia, 2020*).

Tidak dinafikan bahawa penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan di Malaysia semakin meningkat. Contohnya, wanita diberi peluang untuk menyertai sektor ekonomi, pendidikan dan politik. Namun budaya masyarakat Asia, malahan masyarakat Melayu sekalipun masih lagi dibayangi oleh ideologi patriarki (Selamat & Endut, 2020; Suleman et al., 2021). Buktinya masih ada wanita yang bergelut untuk mendapatkan hak asasi mereka seperti pendidikan, kesihatan, dan perlindungan diri (Haque, 2022). Apabila membincangkan mengenai isu-isu pemerksaan wanita dalam konteks Malaysia, faktor agama, gender dan budaya juga perlu diambil berat.

Menyingkap sejarah penyertaan wanita dalam industri media kreatif di Malaysia, kajian awal oleh Hashim (1986) mendapati ia bermula seawal 1930-an. Zamroude Zaaba dan Zaharah Zaaba menjadi juruhebah radio wanita terawal ketika penubuhan penyiaran radio awam di Tanah Melayu. Seterusnya apabila Persekutuan Tanah Melayu merdeka, lebih ramai wanita mula menyertai bidang penyiaran dengan penyertaan penyiar wanita iaitu Wan Jah Ahmad, Siti Hawa Zain, Aishah Ghani, Wong Kim Pok, Norlidar Saidi, Elizabeth Kirby dan Cik Wright. Selain itu, merujuk kepada sumber arkib daripada laman sesawang Perpustakaan Negara Malaysia tahun 2001, penyertaan Saadiah Ahmad Daud dalam industri perfileman negara pada tahun 1980 telah memecahkan dominasi kaum lelaki. Beliau menjadi pengarah wanita pertama pada ketika itu. Malangnya, beliau memilih untuk memberi fokus kepada kerjayanya untuk menjadi pelakon.

Walaupun penglibatan wanita dalam industri audio-visual negara semakin bertambah, namun kajian berkaitan wanita sebagai karyawan di belakang tabir tidak banyak dijalankan. Kajian daripada Abd. Ghani (2006) merupakan kajian terawal yang memberi pendedahan mengenai situasi awal penyertaan wanita dalam industri penyiaran di Malaysia. Menurutnya, pada abad ke-20 pembabitan wanita dalam industri penyiaran adalah dalam bidang pengurusan, eksekutif dan perkeranian. Hal ini kerana mereka berpendapat bahawa jawatan tersebut dikatakan lebih bersesuaian dengan adat dan fitrah wanita Melayu kerana mempunyai masa bekerja yang tetap dan tidak berat. Begitu juga dengan situasi yang berlaku dalam industri perfileman tanah air pada awal abad ke-20. Menurut Ghazali dan Husin (2018), pada awal kemunculan industri perfileman negara, wanita jarang memegang peranan yang besar seperti penerbit, pengarah dan penulis skrip. Hal ini kerana wanita banyak terlibat di hadapan layar sebagai pelakon dan penghibur. Secara tidak langsung, mereka tidak mempunyai autoriti kreatif untuk mempromosikan agenda sosial seperti pemerkasaan wanita dalam industri filem (Barnard, 2018). Situasi yang sama masih berlaku pada masa kini apabila menurut kajian Abd Karim (2021), bilangan pekerja wanita hanya melengkapi 30 peratus daripada bilangan pekerja industri filem dan televisyen. Situasi ini sedikit sebanyak menjadikan pemerkasaan wanita dalam industri menjadi lemah. Sedangkan dengan kemunculan wanita yang memegang peranan sebagai pembuat keputusan akan meningkatkan lagi tahap pemerkasaan wanita dalam industri audio-visual di Malaysia.

Pada ketika ini, kajian berkaitan wanita dalam produksi filem dan televisyen tidak banyak dijalankan di Malaysia. Justeru itu, industri penerbitan filem dan televisyen dipilih sebagai asas kajian untuk mengkaji dan mendalami penglibatan dan isu berkaitan wanita khususnya mereka yang memegang jawatan sebagai pembuat keputusan. Menggunakan literatur industri media kreatif sebagai kerangka literatur, sorotan literatur artikel ini terbahagi kepada tiga bahagian. Bahagian pertama akan membincangkan berkenaan konsep pemerkasaan wanita daripada perspektif Islam sebagai kerangka konsep. Seterusnya, bahagian kedua akan membincangkan mengenai kajian wanita dalam industri media kreatif di Barat. Bahagian ketiga pula akan membincangkan tentang wanita dan industri media kreatif di Malaysia. Seterusnya, data kajian dikutip dengan menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur bersama 20 orang wanita Muslim yang bekerja dalam industri filem dan televisyen. Perbincangan hasil kajian adalah berkisar sekitar peluang, cabaran dan strategi yang diguna pakai oleh mereka untuk mengatasi cabaran.

## **PENYATAAN MASALAH**

Penglibatan wanita di dalam industri media kreatif dilihat semakin meningkat. Namun, situasi tersebut tidak menggambarkan realiti sebenar cabaran yang dihadapi oleh wanita untuk terus bertahan di dalam industri media kreatif khususnya industri filem dan televisyen. Cabaran yang dihadapi oleh wanita seringkali menyebabkan

mereka terpaksa mengundurkan diri dan berhenti kerja. Secara tidak langsung menjadikan penglibatan mereka di dalam industri media kreatif menjadi semakin menantang. Apatah lagi untuk menjawat jawatan yang lebih tinggi sebagai penerbit rancangan, pengurus atau sebagai pembuat keputusan.

Seringkali kita mendengar bahawa Islam tidak menindas golongan wanita malah memberi kebebasan untuk wanita bekerja, sebagaimana Rasulullah S.A.W membenarkan isterinya Saidatina Khadijah untuk berkerjaya. Tetapi realitinya di Malaysia hari ini, masih ada segelintir masyarakat Melayu yang masih lagi berpegang kepada ideologi patriarki (Selamat & Endut, 2020; Zainuddin & Khalid @ Aboo Talib, 2018). Menerusi ideologi patriarki ini lelaki dilihat sebagai tulang belakang keluarga untuk mencari nafkah, tugas wanita pula adalah sebagai pengurus rumah tangga dan keluarga.

Walaupun wujud kajian berkaitan wanita berkerjaya, namun kajian mengenai wanita Melayu Muslim dalam industri media kreatif tidak terlalu mendapat tempat di hati para penyelidik di Malaysia khususnya dalam bidang produksi filem dan televisyen. Adapun kajian yang dijalankan adalah berdasarkan analisis kandungan yang memberi fokus kepada isu pemaparan wanita dalam media cetak (Adnan, 1987) dan televisyen (Balraj-Ambigapathy, 2000). Secara tidak langsung, kekurangan kajian empirikal dan data statistik menjadikan isu-isu berkaitan pekerja wanita dalam industri media kreatif menjadi kabur. Ini kerana, isu-isu dan pengalaman bekerja yang dihadapi oleh wanita di Barat tidak semestinya sama dengan ekosistem industri media kreatif di Malaysia. Hal ini disebabkan oleh kehidupan wanita Melayu di Malaysia dipengaruhi dan dibentuk oleh faktor-faktor seperti struktur budaya, agama dan adat masyarakat sekeliling. Justeru itu, diharapkan dengan kajian ini dapat memperkasa lagi wanita yang berkerjaya dalam industri audio-visual di Malaysia. Seterusnya mampu mencipta ekosistem industri yang lebih sihat dan mesra wanita.

## **TINJAUAN LITERATUR**

### **Pemerkasaan Wanita Menurut Perspektif Islam sebagai Kerangka Konsep**

Kajian ini mengaplikasikan konsep pemerkasaan wanita menurut perspektif Islam dengan tujuan untuk meneliti perkembangan wanita Melayu Islam yang bekerja di dalam industri audio-visual di Malaysia. Menurut Haque (2022), konsep pemerkasaan wanita pada awalnya diperkenalkan oleh sarjana Barat iaitu pada pertengahan abad ke-19. Terma pemerkasaan wanita adalah berkait rapat dengan kesamarataan gender. Justeru itu, para sarjana Barat berpendapat dengan mempromosikan terma pemerkasaan wanita ini membantu mengurangkan jurang antara gender. Pemerkasaan wanita adalah sebuah langkah yang digunakan untuk mengangkat taraf dan kedudukan wanita dari segi ekonomi, sosial dan politik dalam sesebuah masyarakat. Bukan itu sahaja, pemerkasaan wanita juga dilihat sebagai satu proses yang mampu

melindungi dan membebaskan kaum wanita daripada sebarang bentuk keganasan, eksploitasi dan diskriminasi khususnya dalam persekitaran kerja yang didominasi kaum lelaki (Dandona, 2015).

Namun begitu, konsep pemerksaan wanita berdasarkan perspektif barat mungkin berbeza dengan perspektif Islam dan tidak sesuai untuk diaplikasikan secara menyeluruh. Objektif gerakan pemerksaan wanita di Barat adalah bertentangan dengan perspektif Islam. Kumpulan feminis di Barat berpendapat bahawa wanita seharusnya diberi kebebasan sepenuhnya dalam membuat keputusan tanpa dipengaruhi aspek agama (Abd Rahim & Abd Kadir, 2017). Selain itu juga mereka seringkali memberi pendapat dan pandangan mengenai isu-isu wanita berdasarkan kepada pemahaman mereka sendiri yang bertentangan dengan sudut pandang Islam (Haque, 2022). Manakala menurut Azizah et al. (2019), pemerksaan wanita dalam Islam bukan sahaja untuk memberikan peluang pekerjaan, malahan mengangkat martabat dan kehormatan wanita dalam institusi kekeluargaan, masyarakat dan negara. Selain itu, melalui langkah pemerksaan ini akan mewujudkan masyarakat harmoni yang meraikan kesaksamaan antara gender tidak kira lelaki atau wanita dari segi kemahiran.

Justeru itu, justifikasi penyelidik untuk menggunakan konsep pemerksaan wanita menurut perspektif Islam adalah kerana: Pertama, penyelidik melihat konsep pemerksaan wanita ini mampu mewakili wanita Melayu Islam untuk bersuara mengenai isu-isu yang dihadapi oleh mereka. Menurut Ali & Abdullah (2018), konsep dan teori yang bersandarkan Barat tidak sesuai untuk diaplikasikan kepada masyarakat Melayu Islam kerana dikhuatiri semangat pembebasan yang diperjuangkan akan menganggu gugat nilai dan adat masyarakat wanita Melayu Islam yang berpegang kepada nilai kesopanan dan kesusilaan. Kedua, realiti kehidupan dan budaya masyarakat di Barat yang tidak bersandarkan kepada agama mungkin berbeza dengan masyarakat Islam di Malaysia. Hal ini kerana menurut Islam, agama adalah faktor terpenting bagi memastikan kesejahteraan kehidupan di dunia dan di akhirat. Justeru itu, aspek pemerksaan yang dibawa Barat adalah berbeza dengan sudut pandang Islam. Seperti firman Allah (SWT):

لِلرِّجَالِ نَصِيبٌ مِّمَّا أُكْسِبُوا وَلِلنِّسَاءِ نَصِيبٌ مِّمَّا أُكْسِبْنَ وَسْأُلُوا أُلَّةٌ مِّنْ فَضْلِهِ  
إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمًا (٣٢)

*(Kerana telah tetap) orang-orang lelaki ada bahagian dari apa yang mereka usahakan, dan orang-orang perempuan pula ada bahagian dari apa yang mereka usahakan; (maka berusahalah kamu) dan pohonkanlah kepada Allah akan limpah kurnianya. Sesungguhnya Allah sentiasa Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu." (Al-Nisa': 4:32)*

Daripada ayat di atas menunjukkan bahawa setiap insan tidak kira lelaki atau wanita mestilah berusaha untuk menambah baik taraf kehidupan masing-masing. Ayat ini

juga menunjukkan bahawa Islam adalah sebuah agama yang meraikan semangat pemerkasaan wanita apabila tiada perbezaan yang membezakan antara lelaki dan wanita dalam aspek mencari rezeki untuk kelangsungan hidup (Qutb, 2006). Justeru itu, penyelidik berharap dengan penggunaan konsep pemerkasaan wanita ini mampu meningkatkan lagi pemerkasaan wanita terhadap wanita Muslim yang berkerjaya dalam industri audio-visual. Seterusnya menjadi permulaan kepada lebih banyak kajian berkenaan gender dan wanita Muslim dalam industri media kreatif di Malaysia.

### **Wanita dan Industri Media Kreatif**

Kajian berkaitan wanita dalam industri media kreatif banyak dijalankan di Barat berbanding di Malaysia. Maka kajian berkaitan wanita industri media kreatif di Barat akan mendasari perbincangan pada bahagian ini. Antaranya adalah kajian yang dijalankan oleh Luckman et al. (2019) berkisar tentang isu kepelbagaian dalam industri kreatif dan budaya. Menurutnya, kekurangan wanita yang menjawat jawatan sebagai pembuat keputusan menjadikan kurangnya kepelbagaian dalam industri media kreatif. Oleh kerana norma pekerjaan di dalam industri ini yang berpaksikan ketidakakformalan dalam pekerjaan menyebabkan berlakunya diskriminasi. Kumpulan yang dominan akan mudah untuk mencipta peraturan mereka sendiri. Secara tidak langsung meminggirkan kumpulan yang lebih kecil seperti wanita dan mewujudkan stereotaip.

Budaya diskriminasi gender di dalam industri yang bersifat maskulin seperti industri media adalah perkara biasa di Barat. Kajian oleh Jansson et al. (2021) serta Jansson dan Wallenberg (2020) serta Hennekam dan Syed (2018) serta O'Brien (2014) membincangkan bagaimana dominasi kaum lelaki dan budaya industri yang bersifat maskulin mempengaruhi budaya kerja produksi media. Waktu bekerja yang panjang, pekerjaan yang bergantung kepada kenalan, dan ketidakfleksibelan adalah antara implikasi budaya maskulin ke dalam industri. Wanita khususnya akan menghadapi dilema dan kesukaran untuk membahagikan masa untuk menguruskan rumah tangga dan kerjaya. Secara tidak langsung mereka akan berputus asa dan mengundurkan diri daripada industri.

Selain daripada budaya maskulin, diskriminasi di dalam produksi audio-visual juga tercetus disebabkan oleh perbezaan sokongan mengikut gender. Contohnya, proses penawaran pekerjaan atau projek adalah bergantung kepada kenalan berbanding kelebihan yang dimiliki (Hennekam & Syed, 2018). Perkara yang sama turut berlaku dalam industri perfileman. Walaupun wanita di Barat diberi peluang untuk menjawat jawatan yang tinggi seperti pengarah filem, namun menurut Verhoeven et al. (2019) pengarah wanita terpaksa menghadapi diskriminasi. Faktor ekonomi dikatakan bukan faktor utama kepada kekurangan penayangan filem hasil arahan wanita, akan tetapi penyaring maklumat (*gate-keeper*) yang bertindak menyekat dan menghalang filem

hasil arahan wanita disebarluaskan kepada masyarakat. Secara tidak langsung menjadikan filem tersebut kurang mendapat pengiktirafan, sambutan dan tontonan.

Begitu juga, dengan situasi yang dihadapi oleh wanita dalam industri perfileman di Sweden. Walaupun jawatan penerbit sudah dianggap sebagai satu kedudukan yang tinggi, namun menurut kajian yang dijalankan oleh Jansson et al. (2021), walaupun wanita diberi peluang untuk memegang jawatan sebagai penerbit, mereka tidak mempunyai autonomi atau kuasa mutlak sebagai pembuat keputusan. Ini kerana peranan mereka sebagai penerbit bergantung kepada situasi dan syarat-syarat tertentu. Apa yang dihasilkan bukanlah daripada hasil karya mereka yang sepenuhnya kerana mereka tertakluk kepada syarikat penyiaran. Mereka juga terikat dengan kehendak pelabur-pelabur yang akan menyumbang dana kepada sesbuah program yang akan dihasilkan.

Isu diskriminasi dalam industri filem di Barat juga dilihat lebih kompleks apabila bukan sahaja faktor gender malahan faktor seperti persilangan budaya, bangsa dan kelas sosial turut menjadi penyumbang. Wanita yang berasal daripada etnik minoriti seperti wanita yang berkulit gelap seringkali menghadapi layanan yang berbeza berbanding mereka yang berkulit putih (Hennekam & Syed, 2018). Manakala dalam konteks United Kingdom, representasi daripada wanita yang berkulit gelap dan orang Asia masih lagi kurang dalam tenaga kerja kreatif secara keseluruhan. Malahan, agihan pendapatan dan gaji etnik kumpulan minoriti lebih rendah berbanding mereka yang berasal daripada kumpulan dominan (Snowball & Hadisi, 2020). Secara kesimpulannya aspek persilangan budaya, etnik dan kelas sosial menyukarkan lagi wanita yang berasal daripada kumpulan minoriti untuk mendapat peluang yang sama rata dalam pekerjaan.

Bukan hanya menghadapi diskriminasi, malahan mereka juga mudah terdedah kepada amalan eksplotasi. Kajian oleh Campbell (2018) serta Grant-Smith dan McDonald (2018) mengulas mengenai keperitan yang dihadapi oleh golongan muda dalam industri kreatif khususnya golongan wanita. Sebelum ini, penyelidik menyatakan bahawa budaya pekerjaan di dalam industri yang bersifat tidak formal dan berpegang kepada kenalan merupakan salah satu faktor yang mendorong wujudnya amalan eksplotasi. Ia termasuk amalan bekerja tanpa upah yang dianggap salah satu cara untuk mereka memperkenalkan diri ke dalam industri. Mereka diminta untuk bekerja secara sukarela tanpa mengharapkan upah semata-mata untuk bertahan di dalam industri ini (Hesmondhalgh & Baker, 2011). Selain itu juga, bekerja tanpa upah juga dianggap sebagai satu pelaburan kepada mereka untuk mendapat pekerjaan pada masa hadapan. Namun situasi ini seterusnya akan menyebabkan mereka mudah menjadi sasaran pihak majikan yang tidak mahu membayar upah dengan menggunakan alasan untuk mereka mencari pengalaman.

Tidak hanya wanita muda, wanita yang berstatus ibu juga mempunyai cabaran yang tersendiri. Dent (2020) di dalam kajiannya mengenai pekerja wanita yang berstatus

ibu di Barat, menyatakan bahawa layanan yang diberikan oleh syarikat mula berbeza. Contohnya, mereka tidak lagi dijemput untuk menghadiri acara-acara bersosial yang dianjurkan. Tidak seperti sektor lain, pengambilan pekerjaan di dalam industri filem dan televisyen adalah tidak formal dan tidak terkawal (Wing-Fai et al., 2015). Maka, aktiviti bersosial merupakan satu wadah untuk para pekerja membina jaringan dalam industri. Perkara ini sudah tentu menjadi halangan kepada para ibu kerana waktu selepas kerja digunakan untuk bersama keluarga dan menjaga anak-anak. Berbeza dengan karyawan lelaki yang lebih fleksibel waktunya. Malahan peluang dan sokongan yang diberikan juga berbeza mengikut gender. Contohnya, pekerja senior lelaki lebih suka memberi sokongan dan peluang kepada pekerja lelaki berbanding pekerja wanita. Bukan hanya layanan yang berbeza, mereka yang berstatus ibu juga terpaksa menghadapi situasi seperti dinafikan peluang kenaikan gaji.

Secara konklusinya, walaupun ahli penyelidik Barat amat menekankan tentang aspek pemerkasaan wanita, namun jika dilihat melalui kajian di atas tahap pemerkasaan wanita di Barat masih lagi rendah. Budaya diskriminasi gender dan eksplorasi terhadap wanita masih lagi berleluasa dalam industri media kreatif. Justeru itu, pemerkasaan wanita tanpa berlandaskan kepada aspek agama adalah bertentangan dengan perspektif Islam dan tidak relevan diaplikasikan kepada masyarakat Muslim.

### **Wanita dan Industri Media Kreatif Malaysia**

Majoriti kajian berkaitan wanita dalam industri media kreatif di Malaysia mengkaji mengenai representasi dan peranan wanita dalam organisasi media (Azwan Azmawati, 2006), televisyen (Balraj-Ambigapathy, 2000), pawagam (Muhammad, 2018), media cetak dan media elektronik (Adnan, 1987) dan filem (Ghazali & Husin, 2018). Contohnya kajian terawal yang dijalankan oleh Adnan (1987) menyatakan bahawa penglibatan wanita dalam media dilihat bermula di hadapan skrin. Wanita yang mempunyai perwatakan menarik dipilih sebagai personaliti televisyen untuk menarik perhatian penonton. Manakala pemaparan wanita dalam rancangan televisyen juga dilihat masih lagi kurang dalam aspek pemerkasaan wanita (Balraj-Ambigapathy, 2000). Walaupun kaum wanita sudah mula berkerjaya namun pemaparan media masih lagi memaparkan kerjaya wanita sebagai suri rumah.

Seiring dengan peredaran zaman, keterlibatan penulis, pengarah, dan penerbit filem wanita mula dilihat apabila filem mula melakarkan watak wanita Melayu Islam sebagai seorang wanita yang mempunyai kekuatan fizikal dan mental, tidak lemah serta pandai berdikari. Kemunculan pengarah wanita yang pertama, iaitu Suhaimi Baba dengan filem arahannya yang bertajuk ‘Pontianak Harum Sundal Malam’ pada tahun 2004, menjadi titik permulaan kepada kemunculan lebih ramai pengarah wanita yang lain seperti Yasmin Ahmad, Erma Fatima, Fauziah Dato’ Ahmad Daud, dan Ellie Suriaty (Ghazali & Husin, 2018). Justeru itu, wanita seharusnya diberi peluang yang lebih

luas untuk terlibat sebagai pembuat keputusan di belakang tabir dalam industri filem dan televisyen kerana wanita lebih memahami apa yang penonton wanita inginkan.

Isu pemerkasaan wanita dalam industri media kreatif pada masa kini masih lagi relevan. Namun begitu, kajian berkaitan isu dan cabaran yang dihadapi oleh wanita industri media kreatif tidak banyak dijalankan di Malaysia. Kajian terkini daripada Abd Karim (2021) mengenai masa hadapan wanita industri televisyen di Malaysia menunjukkan bahawa walaupun sudah ramai wanita menyertai industri namun realiti industri televisyen di Malaysia menggambarkan yang sebaliknya. Menurutnya, penglibatan wanita sebagai pembuat keputusan di dalam produksi televisyen di Malaysia masih lagi rendah sedangkan majoriti penonton kandungan televisyen adalah wanita. Kajian awal daripada Azwan Azmawati (2006) turut mengulas bahawa majoriti pembuat keputusan dalam organisasi media Malaysia dipegang oleh lelaki menyebabkan peluang untuk wanita bersuara menjadi tipis. Beliau berpendapat bahawa jawatan pembuat keputusan di dalam sesebuah organisasi media memainkan peranan penting kerana kandungan media yang terhasil akan mempengaruhi pandangan masyarakat terhadap status dan kedudukan wanita.

Selain itu isu dan cabaran yang dihadapi oleh wanita industri kreatif juga tidak jauh berbeza dengan wanita berkerjaya dalam sektor yang lain. Namun, harus diingat bahawa waktu bekerja dalam industri media kreatif adalah tidak sama dengan sektor yang bersifat formal. Waktu bekerja dalam industri filem dan televisyen adalah tidak menentu dan memerlukan wanita untuk bekerja dalam jangka masa yang panjang. Perkara ini menjadi faktor mengapa pekerjaan di dalam sektor ini didominasi oleh kaum lelaki. Walaupun kadar penglibatan wanita dalam industri media kreatif mula menunjukkan peningkatan, namun penyertaan wanita masih lagi berada pada tahap yang rendah dan menjadi faktor penyumbang kepada pemunggiran isu-isu berkaitan wanita dalam industri ini (Henry, 2009; Proctor-Thompson, 2013).

Isu kesejahteraan emosi wanita industri kreatif turut ditekankan oleh penyelidik. Untuk menjadi seorang wanita berkerjaya bukanlah mudah. Isu seperti masalah penjagaan anak dan kekurangan sokongan daripada organisasi turut menjadi cabaran untuk wanita mengimbangi antara kerja, rumah tangga dan kehidupan (Abd Karim, 2021; Yet-Mee et al., 2013). Tempoh cuti bersalin yang diberikan juga singkat iaitu antara empat puluh hingga enam puluh hari (bergantung kepada sesebuah organisasi penyiaran). Begitu juga dengan kos menghantar anak-anak ke pusat jagaan seperti TASKA juga semakin meningkat (Zakaria, 2020). Kestabilan emosi merupakan salah satu faktor yang membolehkan seseorang wanita itu kekal berada dalam industri yang mencabar ini. Tanpa pengurusan kestabilan emosi untuk mengurus isu-isu seperti di atas akan menyebabkan wanita mula membuat keputusan untuk berhenti kerja (Abd Karim, 2019).

Begitu juga dengan kerjaya dalam industri filem dan televisyen yang memerlukan komitmen yang tinggi daripada wanita. Abdul Rahim (2015) menyatakan wanita yang

sudah berkahwin menghadapi kesukaran untuk membahagikan masa antara kerjaya dan keluarga. Hal ini kerana waktu bekerja di dalam bidang produksi adalah tidak menentu dan memerlukan mereka memberikan komitmen yang sepenuhnya. Secara tidak langsung menjelaskan emosi dan perkembangan kerjaya bagi wanita yang tidak mempunyai kemahiran membahagikan masa yang baik. Di samping itu juga, budaya kerja bidang produksi yang bersifat maskulin ini juga menjadikan karyawan wanita perlu menyesuaikan diri dengan waktu bekerja yang panjang. Selain itu, faktor bebanan kerja dan persepsi daripada rakan sekerja juga menjadi sebab wanita memilih untuk menjawat jawatan yang rendah. Walaupun karyawan wanita dinasihatkan supaya menjadi lebih berani dan yakin ketika bersuara dan menjalankan tugas yang diberikan. Akan tetapi apabila mereka mula menunjukkan ciri-ciri tersebut khususnya apabila berada di jawatan sebagai pembuatan keputusan, mereka akan dikritik (Ballakrishnen et al., 2019).

Konklusinya, berdasarkan kajian lepas yang dijalankan di Malaysia menunjukkan aspek pemerkasaan wanita Muslim di Malaysia juga masih berada pada tahap yang rendah, khususnya wanita sebagai pembuat keputusan. Justeru itu, aspek pemerkasaan wanita perlu ditekankan kepada wanita Muslim supaya mereka juga diberikan peluang dan persekitaran kerja yang lebih baik dalam industri media kreatif di Malaysia.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Bagi mengkaji mengenai penglibatan wanita dalam industri media kreatif di Malaysia, kajian ini mengaplikasikan kaedah temu bual separa berstruktur bersama 20 wanita yang bekerja dan telah bekerja dalam industri filem dan televisyen. Bagi mencapai ketepuan data, seramai 20 wanita Melayu Muslim telah ditemu bual (Creswell, John. W., & Poth, 2007). Temu bual dijalankan secara bersemuka dan dalam talian bagi memudahkan informan yang sibuk. Menurut Caldwell (2008), kaedah menemu bual pekerja produksi adalah salah satu kaedah yang efektif untuk mengetahui bagaimanakah rutin dan situasi yang berlaku di sebalik tabir industri produksi filem dan televisyen. Caldwell juga berpendapat bahawa naratif dan penceritaan yang dilakukan oleh responden mampu menjelaskan tentang budaya kerja dan gaya hidup sehari-hari pekerja yang bekerja dalam produksi media dan filem. Kaedah temu bual informan membolehkan informan untuk berbicara mengenai pengalaman dan situasi yang dihadapi oleh mereka dengan lebih bebas. Temu bual ini juga memberi pendedahan mengenai cabaran dan isu-isu yang dihadapi oleh wanita yang berjaya dalam industri. Kajian ini juga memberi pendedahan berkenaan strategi yang digunakan oleh mereka untuk menghadapi cabaran.

Informan temu bual dipilih dengan menggunakan kaedah pensampelan bertujuan ataupun dikenali sebagai '*purposive sampling*'. Penggunaan kaedah pensampelan ini membantu penyelidik untuk mendapatkan informan yang mempunyai ciri yang

tersendiri dan khusus berpandukan kepada objektif kajian (David Silverman, 2014). Informan temu bual diperolehi dengan menggunakan teknik bola salji atau ‘snowball’ dengan mendapatkan jaringan kenalan daripada informan terawal yang ditemu bual. Teknik bola salji ini kerap digunakan oleh penyelidik yang mengkaji berkaitan wanita (O’Brien, 2014, 2018; Thoman & Zelin, 2020; Berridge, 2020). Jadual 1 memaparkan profil informan wanita yang telah ditemu bual. Bagi mengekalkan kerahsiaan informan, identiti sebenar mereka telah disamarkan (Hennekam & Syed, 2018).

Manakala bagi proses pengumpulan data, rakaman sesi temu bual juga dilakukan setelah mendapat persetujuan daripada responden. Menggunakan transkripsi secara verbatim, penyelidik menjalankan proses analisis data menggunakan perisian Atlas.Ti 9. Data yang diperoleh diinterpretasikan oleh penyelidik mengikut tema-tema menggunakan kaedah analisis tematik (Braun & Clarke, 2006). Kaedah ini membantu penyelidik mendapat gambaran yang menyeluruh. Dalam masa yang sama menge-lakkan berlakunya isu berat. Informan temu bual terdiri daripada wanita yang berstatus bujang, berkahwin dan wanita sebagai ibu tunggal kerana kematian suami atau bercerai.

**Jadual 1: Profil Informan Temu Bual**

<b>Informan</b>	<b>Umur</b>	<b>Status</b>	<b>Pekerjaan</b>	<b>Pengalaman Bekerja</b>
1	27 tahun	Bujang	Penerbit	4 tahun
2	28 tahun	Bujang	Penerbit	4 tahun
3	50 tahun	Ibu tunggal	Editor	26 tahun
4	41 tahun	Berkahwin	Penerbit	18 tahun
5	45 tahun	Ibu tunggal	Pembantu pengarah dan penerbit	23 tahun
6	35 tahun	Berkahwin	Editor	11 tahun
7	34 tahun	Berkahwin	Editor	12 tahun
8	48 tahun	Berkahwin	Penerbit	26 tahun
9	63 tahun	Berkahwin	Editor	45 tahun
10	59 tahun	Berkahwin	Jurusolek	35 tahun
11	58 tahun	Berkahwin	Pengurus produksi	14 tahun
12	52 tahun	Berkahwin	Penulis skrip	25 tahun
13	41 tahun	Berkahwin	Jurusolek dan pengendali kostum	10 tahun
14	42	Berkahwin	Pelakon dan pembantu	19 tahun

	tahun		pengarah	
15	59	Berkahwin	Pelakon dan pengurus produksi	43 tahun
16	39	Ibu tunggal	Jurusolek dan pengendali kostum	6 tahun
17	50	Ibu tunggal	Penerbit eksekutif	25 tahun
18	51	Berkahwin	Penerbit langsung	20 tahun
19	31	Berkahwin	Jurusolek	10 tahun
20	40	Berkahwin	Penerbit	15 tahun

## **HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Berikut merupakan hasil kajian dan perbincangan melalui temu bual yang dilakukan terhadap karyawan wanita yang bekerja di dalam industri. Menjadi pekerja wanita di sebalik tabir dalam industri filem dan televisyen di Malaysia bukanlah sesuatu yang mudah. Peranan yang dimiliki oleh mereka sebagai isteri, ibu mahupun anak menjadikan perbincangan berkenaan cabaran yang dihadapi menjadi lebih kompleks. Perbincangan pada bahagian ini terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian yang pertama akan membincangkan mengenai isu dan cabaran yang dihadapi dalam konteks wanita Melayu Islam. Manakala bahagian yang seterusnya pula akan membincangkan mengenai strategi yang diaplikasikan semasa bekerja dalam industri.

### **Isu dan Cabaran Wanita Melayu Islam**

#### **Stigma dan persepsi**

Sebagai wanita yang bekerja di dalam bidang produksi hiburan persepsi dan stigma daripada keluarga, masyarakat mahupun rakan sekerja tidak dapat dielakkan. Informan 4 yang dibesarkan dalam keluarga mempunyai latar belakang agama yang kuat menyatakan bahawa ibu bapa beliau bimbang ketika dia bekerja sebagai penerbit rancangan dalam bidang hiburan.

"Ibu saya tidak suka saya bekerja dalam industri hiburan ini. Ibu dan orang kampung bertanya bila saya hendak bertukar kerja. Ibu saya bekerja di pejabat agama dan ayah saya seorang imam jadi apabila tahu saya kerja bidang hiburan mereka terkejut (Informan 4, Penerbit Rancangan)."

Selain itu juga, karyawan wanita yang sudah berkahwin juga tidak dapat lari daripada persepsi negatif oleh segelintir masyarakat. Bahkan menganggap mereka yang bekerja dalam bidang produksi hiburan adalah mereka yang tidak mempunyai masa hadapan. Menurut informan 13,

"Masyarakat pandang rendah dengan mereka yang bekerja belakang tabir dalam skrin industri. Apabila saya keluar bekerja mereka akan pandang pelik seolah-olah saya ini sosial. Mereka pandang seolah-olah kami tidak ada masa depan. Masyarakat tidak tengok dan tahu situasi kami bekerja (Informan 13, Jurusolek Artis dan Pengendali Kostum)."

Karyawan wanita di sebalik tabir juga terpaksa menghadapi persepsi dan stigma daripada segelintir rakan sekerja yang berlainan jantina. Namun menurut informan 17, yang berjawatan sebagai penerbit eksekutif di sebuah produksi media terkemuka di Malaysia menyatakan perkara tersebut tidak mematahkan semangat beliau untuk terus bekerja di dalam bidang produksi hiburan sehingga beliau mampu menjawat jawatan yang tertinggi.

"Ada pihak apabila memandang kita ini wanita, maka mereka akan kurang percaya. Tetapi setakat ini mungkin saya nampak sahaja lembut, tetapi saya ada ketegasan saya sendiri. Saya tahu apa yang saya lakukan jadi orang tak boleh main-mainkan saya (Informan 17, Penerbit Eksekutif)."

Stigma dan persepsi merupakan antara cabaran yang dihadapi oleh karyawan wanita yang bekerja dalam produksi kandungan media hiburan. Namun, persepsi seperti pekerjaan ini tidak sesuai untuk wanita tidak lagi relevan pada masa kini. Menurut informan 15 (Pelakon dan Pengurus Produksi) berkata bahawa wanita berperanan penting dalam produksi hiburan kerana bidang penghasilan kandungan kreatif merupakan kepakaran kaum wanita. Sumbangan idea daripada karyawan wanita menyumbang kepada penghasilan karya kreatif yang lebih menarik.

### **Ketidakstabilan**

Berbeza dengan pekerjaan formal, majoriti pekerjaan dalam produksi adalah tidak formal kerana bergantung kepada kontrak dan projek. Persekutaran pekerjaan seperti ini biasanya didominasi oleh golongan pekerja bebas (*freelancer*) yang tidak mempunyai pendapatan tetap. Justeru itu, bentuk upah yang diterima adalah berdasarkan kepada bajet yang telah diberikan oleh pihak penerbit. Walaupun pekerja bebas mempunyai waktu bekerja yang lebih fleksibel. Namun begitu, ketidakformalan ini seringkali mendedahkan karyawan produksi di sebalik tabir kepada ketidakstabilan dalam pekerjaan seperti bayaran upah yang rendah. Dalam sesi temu bual isu upah adalah perkara yang sering disuarakan oleh majoriti informan. Contohnya,

"Ada sesetengah bayaran yang diberikan tidak setimpal dan tidak ikut kontrak. Ada yang melanggar kontrak. Ada juga penggambaran, bayaran akhir sebanyak 30 peratus tidak dapat kerana dapat cek tendang. Semua itu saya sudah lalui (Informan 11, Pengurus Produksi)."

Tambahnya lagi, walaupun berlaku pembayaran upah yang tidak mengikut kontrak yang ditetapkan, namun beliau memilih untuk berdiam diri sahaja. Menurutnya,

"Walaupun ada kontrak, menyusahkan untuk naik turun mahkamah sekiranya dipanggil ketika waktu penggambaran. Akan menganggu tugas dan jadual penerbit. Jadi lebih baik saya senyap sahaja kerana industri di Malaysia ini tidak besar (Informan 11, Pengurus Produksi)."

Begitu juga dengan informan 10. Bekerja sebagai jurusolek di dalam industri selama 35 tahun isu bayaran yang lewat bukanlah perkara yang baharu. Malahan beliau juga tidak menerima bayaran upah ketika melakukan solekan.

"Apabila sudah tanda tangan persetujuan mereka akan maklumkan bayaran akhir mungkin akan dapat lambat. Saya terima sahaja dan tidaklah memberontak. Tetapi ada juga kawan-kawan yang panggil untuk solekan dan tidak dibayar. Saya anggap mungkin bukan rezeki saya (Informan 10, Jurusolek Artis)."

Manakala isu yang sama turut berlaku kepada informan 14, beliau menegaskan walaupun wujud garis panduan untuk kadar upah minimum kru, namun masih ada pihak yang tidak mematuhi. Bukan sahaja isu bayaran yang rendah, malah tempoh untuk kenaikan gaji tahunan kru produksi juga memakan masa yang lama.

"Mereka (syarikat produksi) kata harga upah saya mahal sedangkan semua tempat harga yang sama. Sebenarnya gaji kru ada kadar yang ditetapkan tetapi apabila mereka ingin kurangkan lagi itu yang tidak seronok. Sebab kadang-kadang untuk naikkan upah kru sebanyak RM100 pun memakan masa sepuluh tahun (Informan 14, Pelakon dan Pembantu Pengarah)."

Apa yang lebih malang, sejurus sahaja perintah kawalan pergerakan (PKP) dimatkan harga bayaran dan upah kru produksi semakin rendah. Bukan sahaja upah semakin rendah malahan bilangan hari bekerja juga semakin singkat menambahkan lagi beban kerja.

"Ada pihak produksi ingin jimatkan kos. Bayaran upah ditawarkan rendah. Upah dan bayaran kru belakang tabir sangat teruk selepas PKP. Kalau dahulu jangka masa penggambaran adalah sebulan. Sekarang hanya 18 dan

20 hari. Apabila makin singkat bebanan kerja semakin bertambah (Informan 13, Jurusolek Artis dan Pengendali Kostum)."

Secara kesimpulannya, majoriti daripada karyawan wanita menghadapi isu bayaran upah yang rendah tanpa mengira jawatan dan bidang kuasa. Dalam masa yang sama, amalan bekerja tanpa menerima upah juga sering terjadi apabila bekerja dengan orang yang rapat. Situasi eksplorasi yang dihadapi oleh pekerja media kreatif di Malaysia juga tidak jauh berbeza dengan Barat. Menurut Alacovska et al., (2021), bagi memastikan untuk terus mendapat kerja, mereka terpaksa berhadapan dengan eksplorasi. Secara tidak langsung mendedahkan diri mereka kepada ketidakstabilan dalam kerjaya dan kehidupan.

### **Eksplorasi**

Bukan sahaja isu ketidakstabilan, isu eksplorasi seperti melakukan pekerjaan bukan dalam bidang tugas juga merupakan perkara yang sering terjadi ketika permulaan kerjaya. Menurut informan 11, beliau mula menyedari akan kewujudan eksplorasi ini apabila ditegur oleh karyawan yang lain.

"Sewaktu mula-mula bekerja, pengurus produksi lelaki cuba untuk kulikan saya dengan menyuruh saya melakukan kerjanya. Sewaktu itu saya belum terdedah dengan set produksi (Informan 11, Pengurus produksi)."

Namun, berbeza pula dengan eksplorasi kendiri. Ini kerana menurut Hesmondhalgh dan Baker (2013) seseorang pekerja mungkin akan terdedah kepada eksplorasi kendiri (*self-exploitation*) apabila seseorang karyawan itu terlalu mencintai pekerjaannya. Mereka tidak kisah bekerja dalam jangka masa yang lama kerana minat dan juga kepuasan dengan hasil karya yang dihasilkan.

"Semuanya berbalik kepada minat. Tetapi kalau minat, kerja seteruk mana pun akan membuatkan kita gembira (Informan 17, Penerbit eksekutif)."

"Saya akan buat apa sahaja yang disuruh oleh pengarah. Kalau saya disuruh basuh baju saya akan basuh. Disebabkan itu ramai pengarah yang masih menghubungi saya untuk menjadi juru solek artis (Informan 10, Jurusolek artis)."

"Penat memang tersangat-sangat penat dalam keadaan saya yang sudah berumur 41 tahun. Saya juga sedang menjalani rawatan kemoterapi. Tetapi apabila penggambaran turun naik bukit, berpanas dan berhujan perkara ini memberi semangat sebenarnya sebab kita minat. Selain itu, saya suka-suka cabaran (Informan 13, Jurusolek Artis dan Pengendali Kostum)."

Secara kesimpulannya, isu eksplorasi dalam pekerjaan yang melibatkan pembuatan kandungan kreatif berada pada kedudukan yang samar-samar. Khususnya buat pekerja yang obsesi dengan pekerjaan sehingga mendedahkan diri mereka kepada eksplorasi kendiri. Eksplorasi kendiri ini akan menganggu keseimbangan dan kesejahteraan emosi dan fizikal pekerja kreatif tanpa disedari. Antara kesan eksplorasi kendiri kepada emosi adalah seperti tekanan perasaan, kehabisan tenaga dan kekhawatiran yang melampau ketika bekerja (Butler & Russell, 2018).

## **STRATEGI MENANGANI CABARAN**

### **Mengurus kehidupan berkeluarga**

Waktu bekerja yang panjang dan tidak menentu ini menjadi salah satu cabaran kepada pekerja wanita yang sudah berkeluarga. Namun begitu dengan dorongan dan sokongan yang diberikan oleh pasangan mampu membantu mereka untuk terus berjaya dalam karier yang diceburi.

"Suami saya adalah pendorong saya. Hari-hari dia menghantar saya pergi dan balik. Ini kerana bekerja di dalam bidang ini tidak mengira siang dan malam. Lebih-lebih lagi apabila saya perlu bekerja secara berpindah-randah kerana pihak produksi tidak memiliki studio yang tetap (Responden 3, Editor)."

Manakala menurut Informan 8, selain daripada sokongan pasangan, sokongan daripada pengasuh juga membantunya ketika perlu bekerja lebih masa dan pada hari cuti. Menurutnya tanpa bantuan pengasuh dan suami sukar untuknya terus bertahan di dalam industri.

"Suami saya bekerja di pejabat. Jadi itu menjadi satu kelebihan kepada saya. Kelebihan paling utama saya mempunyai pengasuh yang sangat bagus dan boleh menjaga anak-anak saya sepanjang masa. Jika suami saya tidak dapat menjaga anak (Informan 8, Penerbit)."

Manakala informan 14, berbanding mendapatkan sokongan daripada pasangan dan pengasuh, beliau mendapatkan sokongan daripada rakan sekerja untuk menguruskan peranan beliau sebagai ibu. Beliau tidak menggunakan khidmat pengasuh sebaliknya membawa anaknya ke set penggambaran.

"Ketika anak saya berumur 6 bulan saya sudah membawanya ke set penggambaran walaupun di luar negara. Saya tidak percaya lagi dengan penjaga anak. Pengasuh merungut anak saya susah dijaga sedangkan kru-kru berkata sebaliknya. Kami satu produksi seakan keluarga (Informan 14, Pelakon dan Pembantu Pengarah)."

Tidak seperti budaya kerja produksi di Barat yang bersifat individualistik, budaya kerja produksi di Malaysia adalah bersifat kekeluargaan dengan saling menjaga antara satu sama lain. Secara kesimpulannya, sokongan sosial dan konsep memahami yang diberikan oleh pasangan, pengasuh dan rakan sekerja menjadi pendorong terbesar kepada wanita yang bergelar ibu dalam kariernya.

### **Agama sebagai strategi**

Menjadi wanita Muslim yang bekerja dalam bidang penghasilan kandungan hiburan bukanlah perkara yang mudah apabila mereka perlu menghadapi persepsi negatif daripada masyarakat sekeliling. Informan 17 menyatakan walaupun pekerjaan menghasilkan kandungan hiburan dianggap sebagai melalaikan oleh segelintir masyarakat namun pekerjaan yang dilakukan adalah berbentuk ibadah. Menurutnya,

"Walaupun ada yang cakap menghasilkan program-program hiburan sia-sia. Tetapi perkara ini Allah yang tentukan. Allah yang bagi saya rezeki untuk berada di bidang ini. Rezeki itu datang daripada Allah. Saya melakukannya dalam konteks kerja, bukannya saya sengaja mencari hiburan (Informan 17, Penerbit Eksekutif)."

Menurut Informan 8, bekerja di dalam bidang hiburan tidak menjadi masalah kepada pekerja wanita. Menurutnya apa-apa bidang sesuai sekiranya individu tahu untuk menjaga batas sebagai pekerja wanita Muslim dan pergaulan.

"Bidang ini sesuai asalkan tahu jaga batas. Saya bekerja dikelilingi kru-kru lelaki. Saya pernah masuk ke diskò dengan bertudung untuk membuat rakaman pertandingan sebab mereka membuat persembahan di sana. Kalau kita rasa nak terjebak boleh sahaja. Tetapi saya pergi untuk bekerja (Informan 8, Penerbit)."

Manakala Informan 15, pula menyatakan bahawa agama Islam kepadanya dianggap seakan sebuah perisai ketika bekerja di dalam bidang produksi yang didominasi oleh kaum lelaki. Malahan kesedaran agama kepada pekerja produksi juga semakin meluas.

"Islam menjadikan wanita lebih tahu batas-batas mereka. Jadi saya lebih tahu batas-batas saya sebagai wanita Muslim. Sekarang tidak macam dahulu. Pada tahun 90-an dahulu tidak ramai yang berhijab. Sekarang ramai artis dan pekerja produksi yang berhijab. Sekarang kami juga solat secara berjemaah (Informan 15, Pelakon dan Pembantu Pengarah)."

Secara konklusinya, majoriti daripada informan wanita menggunakan perspektif agama sebagai strategi untuk mereka terus bertahan berada di dalam industri walaupun dikelilingi oleh ramai pekerja lelaki. Agama Islam menjadi pegangan terpenting kepada mereka apabila bekerja bagi memastikan maruah sebagai wanita Melayu Muslim terus terjaga.

## **KESIMPULAN DAN IMPLIKASI KAJIAN**

Kajian yang dijalankan bukanlah bertujuan menuntut hak kesamarataan yang menyalahi fitrah semula jadi wanita, akan tetapi untuk meningkatkan lagi tahap pemerkaaan wanita Muslim dalam industri media kreatif. Menggunakan konsep pemerkaaan wanita menurut perspektif Islam daripada Haque (2022), membantu penyelidik memahami naratif harian berkaitan cabaran yang dihadapi oleh pekerja wanita Muslim dalam kerjaya mereka. Kajian ini juga membongkar mengenai bagaimanakah budaya kerja produksi televisyen dan filem di Malaysia berfungsi berbanding budaya kerja produksi di Barat. Secara konklusinya, walaupun penglibatan wanita dalam bidang produksi kandungan media kreatif di Malaysia semakin meningkat, namun kajian yang dijalankan ini membuktikan masih lagi wujud isu-isu seperti eksplorasi, ketidakstabilan dan stigma terhadap wanita yang bekerja di dalam industri media kreatif.

Dalam aspek sosial, masyarakat seharusnya perlu bersikap lebih terbuka kepada wanita yang bekerja dalam industri penyiaran dan perfileman. Wanita yang bekerja dalam industri audio-visual tidak seharusnya menerima stigma dan layanan yang berbeza. Hal ini kerana lelaki mahupun wanita mempunyai peranan masing-masing dalam pembikinan kandungan media yang bertepatan dengan budaya dan agama masyarakat Malaysia. Selain aspek persekitaran dan budaya kerja, langkah pemerkaaan wanita perlu diperkuatkan lagi supaya isu dan cabaran yang dihadapi dapat diatasi. Secara tidak langsung membantu untuk mencipta persekitaran kerja yang kondusif dan selamat kepada pekerja wanita dalam industri media kreatif. Manakala dalam aspek kajian, kajian mengenai isu pemerkaaan terhadap wanita dalam industri media kreatif seharusnya diperbanyakkan oleh sarjana tempatan untuk menjadi rujukan kepada kajian yang mendatang mengenai situasi sebenar yang dihadapi oleh wanita yang terlibat dengan industri penyiaran dan perfileman. Dicadangkan untuk kajian berikutnya, pengkaji boleh melihat dari aspek yang lebih meluas iaitu kepada segenap lapisan wanita tanpa mengira umur, agama dan budaya. Saranan pengkaji supaya kajian yang melibatkan gender ini perlulah sentiasa dikembangkan dan diteruskan seperti mana yang giat dijalankan di Barat. Hal ini kerana faktor agama, budaya dan adat setempat masyarakat Malaysia adalah unik dan wajar ditonjolkan kepada masyarakat di luar.

## PENGHARGAAN

Projek penyelidikan ini dibiayai oleh Kementerian Pengajian Tinggi Geran Konsortium Kecemerlangan Penyelidikan diberikan kepada *Muslims in Creative Media Industries (MiCMI)* - Konsortium Industri Kreatif dan Budaya. Nombor pendaftaran: USIM/KKP-S02/FKP/LUAR-K/44020.

## RUJUKAN

- Abd. Ghani, Z. (2006). Kerjaya Wanita Islam Dalam Bidang Penyiaran: Cabaran Dan Prospek. *Jurnal Usuluddin*, 23-24, April 2005, 185–198. [http://biomed2011.um.edu.my/filebank/published\\_article/8132/Jurnal.Usuluddin.23-24.09.Zulkiple.Kerjaya.pdf](http://biomed2011.um.edu.my/filebank/published_article/8132/Jurnal.Usuluddin.23-24.09.Zulkiple.Kerjaya.pdf)
- Abd Karim, N. K. (2019). Doing emotional labour in the fourth industrial revolution (4IR): Is religious television a humanised workplace? *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 35(2), 375–392. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2019-3502-23>
- Abd Karim, N. K. (2021). The future of Muslim women behind the scenes of the Malaysian TV industry. In S. Liddy & A. O'Brien (Eds.), *Media Work, Mothers and Motherhood* (1st ed., pp. 95–110). Routledge.
- Abd Rahim, R. A., & Abd Kadir, N. A. (2017). Wacana bias gender dalam masyarakat Melayu di Malaysia: analisis kritikal. *The Malaysian Journal of Social Administration*, 9(1), 107–128. <https://doi.org/10.22452/mjsa.vol9no1.6>
- Abdul Rahim, H. R. (2015). Dilema Wanita Berpendidikan Tinggi: Faktor-faktor Wanita Berhenti Kerja. *Sarjana*, 30(1), 99–117.
- Adnan, M. H. (1987). Women and the Media in Malaysia. *Media Asia*, 14(4), 194–203. <https://doi.org/10.1080/01296612.1987.11726262>
- Alacovska, A., Langevang, T., & Steedman, R. (2021). The work of hope: Spiritualizing, hustling and waiting in the creative industries in Ghana. *Environment and Planning A: Economy and Space*, 53(4), 619–637. <https://doi.org/10.1177/0308518X20962810>
- Ali, A. H., & Abdullah, I. R. (2018). Perwatakan Wanita Melayu Muslim Dalam Novel 'Diari Seorang Jururawat' Karya Aminah Mokhtar. *Journal of Nusantara Studies*, 3(2), 147–161.
- Azizah, S. N., Qoyum, A., & Prasojo. (2019). Islam , women labor and economic development. *Proceeding of Conference on Islamic Management, Accounting, and Economics (CIMAE)*, 2, 221–234.
- Azwan Azmawati, A. (2006). Cultivating gender sensitive culture in the Malaysian media industry: a critique and an alternative. *International Conference Affirming Diversity: Women Making A Difference*, 1–6. <http://eprints.usm.my/id/eprint/4896>
- Ballakrishnen, S., Priya, S. F., & Magliozi, D. (2019). Intentional Invisibility: Professional Women and the Navigation of Workplace Constraints. *Sociological Perspectives*, 62(1), 23–41. <https://doi.org/10.1177/0731121418782185>

- Balraj-Ambigapathy, S. (2000). Dis-empowering women on Malaysian TV. *Asia Pacific Media Educator*, 9(January 2000), 148–163.
- Barnard, T. P. (2018). Women, Film, and Modern Malay Identities. In S. Protschky & T. van den Berge (Eds.), *Modern Times in Southeast Asia, 1920s-1970s* (pp. 114–135). Brill. [https://doi.org/https://doi.org/10.1163/9789004372702\\_006](https://doi.org/10.1163/9789004372702_006)
- Berridge, S. (2020). The gendered impact of caring responsibilities on parents' experiences of working in the film and television industries. *Feminist Media Studies*, 00(00), 1–15. <https://doi.org/10.1080/14680777.2020.1778763>
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using Thematic Analysis in Psychology: Qualitative Research in Psychology. *Vascular Embolotherapy*, 3(2), 107–118.
- Butler, N., & Russell, D. S. (2018). No funny business: Precarious work and emotional labour in stand-up comedy. *Human Relations*, 71(12), 1666–1686. <https://doi.org/10.1177/0018726718758880>
- Caldwell, J. T. (2008). *Production Culture: Industrial Reflexivity and Critical Practice in Film and Television*. Duke University Press. <https://doi.org/https://doi.org/10.1215/9780822388968>
- Campbell, M. (2018). 'Shit is hard, yo': young people making a living in the creative industries. *International Journal of Cultural Policy*, 1–20. <https://doi.org/10.1080/10286632.2018.1547380>
- Creswell, John. W., & Poth, C. N. (2007). *Choosing Among Five Approaches Choosing Among Five Approaches* (Issue June). [https://www.researchgate.net/profile/Rulinawaty-Kasmad/publication/342229325\\_Second\\_Edition\\_QUALITATIVE\\_INQUIRY\\_RESEARCH\\_DESIGN\\_Choosing\\_Among\\_Five\\_Approaches/links/5eec7025458515814a6ac263/Second-Edition-QUALITATIVE-INQUIRY-RESEARCH-DESIGN-Creating-Among](https://www.researchgate.net/profile/Rulinawaty-Kasmad/publication/342229325_Second_Edition_QUALITATIVE_INQUIRY_RESEARCH_DESIGN_Choosing_Among_Five_Approaches/links/5eec7025458515814a6ac263/Second-Edition-QUALITATIVE-INQUIRY-RESEARCH-DESIGN-Creating-Among)
- Dandona, A. (2015). Empowerment of Women: A Conceptual Framework. *International Journal of Indian Psychology*, 2(3). <https://doi.org/10.25215/0203.044>
- David, S. (2014). Theory and Method in Qualitative Research: Generalising from Case Study Research. In *Interpreting Qualitative Data* (pp. 60–62). Sage Publications.
- Dent, T. (2020). Devalued women, valued men: motherhood, class and neoliberal feminism in the creative media industries. *Media, Culture \& Society*, 42(4), 537–553. <https://doi.org/10.1177/0163443719876537>
- Department of Statistics Malaysia. (2020). *Labour Force Survey Report, Malaysia, 2019*. <https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/pdfPrev&id=TIVMbEtBVXBGTi80VjdqZ1JUdVRHdz09#:~:text=Labour force in Malaysia increased,297.4 thousand persons in 2019.&text=Female LFPR rose 0.4 percentage points to 55.6 per cent in 2019.>
- Ghazali, N., & Husin, F. (2018). Bahasa dan Feminisme dalam Filem Shuhaimi Baba (The Language and Feminism in Shuhaimi Baba Films). *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication*, 34(2), 374–388. <https://doi.org/10.17576/jkmjc-2018-3402-23>

- Grant-Smith, D., & McDonald, P. (2018). Planning to work for free: building the graduate employability of planners through unpaid work. *Journal of Youth Studies*, 21(2), 161–177. <https://doi.org/10.1080/13676261.2017.1357804>
- Haque, M. F. (2022). Introduction. In *Women Empowerment from Quranic Perspective* (First edit, pp. 1–7). IIUM Press.
- Hashim, R. (1986). Media Penyiaran Di Malaysia dan Hubungannya dengan Wanita. *Jurnal Komunikasi*, 2, 34–48.
- Hennekam, S., & Syed, J. (2018). Institutional racism in the film industry: a multilevel perspective. *Equality, Diversity and Inclusion*, 37(6), 551–565. <https://doi.org/10.1108/EDI-05-2017-0108>
- Henry, C. (2009). Women and the creative industries: exploring the popular appeal. *Creative Industries Journal*, 2(2), 143–160. <https://doi.org/10.1386/cij.2.2.143/1>
- Hesmondhalgh, D., & Baker, S. (2011). *Creative Labour: Media work in three cultural industries*. Routledge.
- Ismail, N. S. A. (2015). Gender Mainstreaming in Malaysia. In H. Kalthum & Y. Rohana (Eds.), *Women in Economic and Social Transformation Era: Issues and Challenges* (p. 38). UUM Press.
- Jansson, M., Papadopoulou, F., Stigsdotter, I., & Wallenberg, L. (2021). The final cut™: Directors, producers and the gender regime of the Swedish film industry. *Gender, Work and Organization*, January. <https://doi.org/10.1111/gwao.12621>
- Jansson, M., & Wallenberg, L. (2020). Women in the International Film Industry. In *Women in the International Film Industry*. Springer International Publishing. <https://doi.org/10.1007/978-3-030-39070-9>
- Luckman, S., Anderson, H., Sinha, R., Rentschler, R., & Chalklen, C. (2019). 'The devil is in the level': understanding inequality in Australia's Film, TV and Radio industries. *Media International Australia*, 176(1), 3–18. <https://doi.org/10.1177/1329878X19892772>
- Muhammad, M. (2018). The representation of Malay-Muslim women's identity in contemporary Malaysian cinema. *Asian Journal of Media and Communication (AJMC)*, 2(1), 15–20. <https://journal.uii.ac.id/AJMC/article/view/11867/8800>
- O'Brien, A. (2014). 'Men own television': why women leave media work. *Media, Culture and Society*, 36(8), 1207–1218. <https://doi.org/10.1177/0163443714544868>
- O'Brien, A. (2018). (Not) getting the credit: women, liminal subjectivity and resisting neoliberalism in documentary production. *Media, Culture and Society*, 40(5), 673–688. <https://doi.org/10.1177/0163443717734405>
- Perpustakaan Negara Malaysia. (2001). *Pengaruh Wanita*. [https://www.pnm.gov.my/yangpertama/Seni\\_Cerita.htm](https://www.pnm.gov.my/yangpertama/Seni_Cerita.htm)
- Proctor-Thompson, S. B. (2013). Feminist futures of cultural work?: Creativity, gender and difference in the digital media sector. In Ma. Banks, R. Gill, & S. Taylor (Eds.), *Theorizing Cultural Work: Labour, continuity and change in the cultural and creative industries* (pp. 137–148). Routledge.
- Qutb, M. (2006). Islam and Woman. In *Islam the Misunderstood Religion* (6th ed., pp.

- 131–182). Interantional Islamic Foundation Of Student Organizations.
- Selamat, N. H., & Endut, N. (2020). "Bargaining with patriarchy" and entrepreneurship: Narratives of Malay Muslim women entrepreneurs in Malaysia. *Kajian Malaysia*, 38, 11–31.
- Snowball, J., & Hadisi, S. (2020). Do the cultural industries offer labour market opportunities for women and youth? A global south case study. *Cultural Trends*, 29(4), 267–286. <https://doi.org/10.1080/09548963.2020.1811615>
- Suleman, D., Arafah, B., Abbas, H., & Delukman, A. (2021). Women Discrimination in Malaysia: Examining 'The Gender Agenda' from the Viewpoint of Lenore Manderson 's Women , Politics , and Change. *Linguistica Antverpiensia*, 1, 2204–2222.
- Thoman, S. E., & Zelin, A. I. (2020). Switching selves?: The effects of gender role behaviour on women ' s work and relationships ABSTRACT. *Journal of Gender Studies*, 00(00), 1–14. <https://doi.org/10.1080/09589236.2020.1795633>
- Verhoeven, D., Coate, B., & Zemaityte, V. (2019). Re-Distributing Gender in the Global Film Industry: Beyond #MeToo and #MeThree. *Media Industries Journal*, 6(1). <https://doi.org/10.3998/mij.15031809.0006.108>
- Wing-Fai, L., Gill, R., & Randle, K. (2015). Getting in, getting on, getting out? Women as career scramblers in the UK film and television industries. *Sociological Review*, 63(S1), 50–65. <https://doi.org/10.1111/1467-954X.12240>
- Yet-Mee, L., Luen Peng, T., & Chan Yin - Fah, B. (2013). A Study on Women's Career Advancement in Malaysia. *Journal of Human and Social Science Research*, 2(1), 21–34.
- Zainuddin, A., & Khalid @ Aboo Talib, K. (2018). Konsep Mengarusperdanakan Gender: Kajian Wanita dalam Pekerjaan di Malaysia. *Journal of Administrative Science*, 15(1), 1–10. <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/42494/1/42494.pdf>
- Zakaria, N. A. (2020). *Realiti & Cabaran Wanita Bekerjaya*. <https://www.bing.com/ck/a?!&&p=f8253f57f7648e46JmltdHM9MTY2MDA5NDA4NSZpZ3VpZD05Mzc3MDQxZi1jYjAzLTQyZGUtODYxYS0zNTUxNzImNTdmYzYmaW5zaWQ9NTlyOA&ptn=3&hsh=3&fcid=d18c9d74-1849-11ed-9163-f38f70178f23&u=a1aHR0cHM6Ly93d3cudHNpcy5teS93cC1jb250ZW50L3VwbG9hZHMcMj>